

**RIWAYAT HIDUP ABU AL-HASSAN AL-ASY'ARI :  
TOKOH ILMU KALAM  
(260 - 324H)**

Ab. Aziz bin Awang Kechik

**Abstract**

*Abu al-Hassan al-Ashaari, who founded a school; a mazhab of ilmu kalam which latter came to be associated with his name, Mazhab al-Ashaari, received his education in Tafsir, Hadith and Fiqh from the sunni scholars but for Aqidah he learned it from his step-father, Abu Ali al-Jubbai, a prominent scholar from the school of al-Muktazilah. Al-Ashaari became well absorbed in the school and was regarded as its important figure and on several occassions used to represent the school in debates and discussions. Latter, al-Ashaari realised that the aqidah of the al-Muktazilah was not in line with the genuine teaching of Islam and this made him conceive another school of thought which was called Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah which he used it as a platform to attack al-Muktazilah which regarded thought as primary with regard to al-Quran and al-Hadith. The conception of al-Ashaari was that al-Quran and al-Hadith were the main sources of reference of aqidah and thought was a neccessity which play a significant role in concretising the argument that had been made in al-Quran and al-Hadith. This article will look into the biography of Abu al-Hassan al-Ashaari, the scholars of Ahl al- Sunnah wa al-Jamaah.*

**Pendahuluan**

Abu al-Hassan al-Asy'ari merupakan seorang tokoh yang tidak asing lagi di kalangan masyarakat Islam, khususnya di kalangan ahli-ahli Ilmu

Kalam dan ahli fikir Islam. Namanya amat terkenal dan masyhur disebabkan keluasan ilmunya, kecerdasan dan kepantasan akal fikirannya serta kegigihannya dalam usaha menentang ahli bid'ah khususnya golongan Muktaẓilah sehingga beliau berjaya mengembalikan sebilangan besar umat Islam kepada pegangan dan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Justeru itu, beliau disanjung tinggi oleh sebahagian umat Islam dan menjadikannya sebagai salah seorang Imam mazhab dalam *Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang diberi nama dengan namanya iaitu Mazhab al-Asy'ari.

Keluasan ilmu Abu al-Hasan al-Asy'ari tentang Islam, khususnya dalam Ilmu Kalam telah diakui oleh tokoh Ilmu Kalam sendiri. Antara mereka, Imam Abu al-Hasan al-Bahili yang merupakan salah seorang Imam dalam Ilmu Kalam telah berkata: "Aku di samping Abu al-Hasan al-Asy'ari, samalah seperti setitik air di lautan."<sup>1</sup>

Mengenai kegigihannya dalam usaha mengawal akidah *Ahl al-Sunnah* pula Imam Ibn al-Subki (M.771H/1370M) berkata, "*Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari adalah seorang maha guru tarikat Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah, Imam kepada ahli-ahli ilmu kalam, penolong kepada Sunnah Sayyid al-Mursalin (yakni Nabi Muhammad s.a.w.) pembela Agama Islam dan pengusaha bagi menjaga akidah orang Islam*".<sup>2</sup>

Abu Bakr al-Sarafi pula berkata, "*Orang-orang Muktaẓilah mengangkat kepala mereka (sombong dan bongkak) sehingga Allah melahirkan Abu al-Hasan al-Asy'ari, lalu mereka dikurung bersama-sama orang yang lemah*".<sup>3</sup> Ungkapan ini bererti bahawa Abu al-Hasan telah

---

<sup>1</sup>Ibn 'Asakir, M.571H/1190M *Tabyin Kadhb al-Mustafa fima Nusiba li-al-Imam al-Asy'ari*, Kaherah, Maktabah al-Qudsi t.t. h. 116.

<sup>2</sup>Taj al-Din Abu Nasr Abd al-Wahhab ibn al-Subki M.771H/1370M. *Al-Tabaqat al-Syafiyah al-Kubra*. Matba'ah al-Husainiyah al-Masriyyah t.t. h. 216.

<sup>3</sup>Taqiy al-Din Abu al-Abbas Ahmad ibn 'Ali al-Muqrizi M.845H. *Al-Mawaiz wa al-I'tibar fi zikr al-Khitat wa al-Athar al-Ma'ruf bi al-Khitat al-Muqriziyah*. Beirut Dar Sadir t.t. j. 2, h. 286.

berjaya membendung pengaruh muktazilah dari merebak dan menjadikan golongan mereka lemah dan tidak berpengaruh.

Kata-kata di atas menggambarkan pengiktirafan dan pengakuan ulama Islam terhadap keluasan dan ketinggian ilmu al-Asy'ari serta kemampuan dan kesungguhannya dalam mempertahankan akidah *Ahl al-Sunnah* sehingga beliau berjaya menundukkan kumpulan-kumpulan bid'ah dan mengembalikan umat Islam kepada akidah Sunnah.

### **Nama dan Keturunannya**

Nama sebenar Abu al-Hasan al-Asy'ari ialah Ali ibn Ismail ibn Abu Basyar Ishak ibn Salim ibn Ismail ibn Abdullah ibn Musa ibn Bilal ibn Abu Bardah ibn Abu Musa (al-Asy'ari) ibn Qays al-Asy'ari al-Basri.<sup>4</sup> Abu Musa al-Asy'ari adalah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. dan beliaulah orang yang dilantik menjadi *al-Hakam*, bagi pihak Ali bin Abu Talib r.a. dalam menyelesaikan masalah tahkim yang masyhur itu.<sup>5</sup>

Menurut al-Sama`ani (Abd. al-Karim Ibn Muhammad Taj al-Islam - M.562H/1167M.) gelaran al-Asy'ari di nisbahkan kepada Asy'ari, iaitu gelaran kepada salah seorang datuknya yang bernama Nabt. Beliau digelar

---

<sup>4</sup>Abu al-Abbas Syams al-Din Ahmad ibn Muhammad ibn Abu Bakr ibn Khalikan (608 - 681H) *Wafayat al-A'yan* Tahqiq Ihsan Abbas, Beirut, Dar Sadir j. 3, h. 286.

<sup>5</sup>Iaitu masalah pertikaian dan peperangan yang berlaku di antara pihak Ali bin Abu Talib r.a. dan pihak Mu'awiah ibn Abu Sufian. Setelah Muawiah merasa akan kalah dalam peperangan itu, mereka menggunakan tipu helah dengan mengangkat Quran di hujung senjata bagi menunjukkan bahawa mereka mahu berdamai dan kembali kepada kitab Allah. Akhirnya kedua-dua pihak bersetuju menghentikan peperangan dan bersedia berunding dengan masing-masing melantik wakil. Ali ibn Abu Talib melantik Abu Musa al-Asy'ari dan pihak Muawiah ibn Abu Sufian melantik 'Amr ibn al-'As.

Asy'ar (yang bermakna berbulu) kerana dia dilahir dengan keadaan badannya berbulu.<sup>6</sup>

## Kelahirannya

Ahli-Ahli Sejarah bersepakat mengatakan bahawa Abu al-Hasan al-Asy'ari dilahirkan di Basrah dan menetap di Baghdad sehingga akhir hayat.<sup>7</sup> Tetapi mereka berselisih pendapat tentang tarikh kelahirannya. Sebilangan besar ahli sejarah seperti Ibn Asakir<sup>8</sup> meriwayatkan daripada Abu Bakr al-Wazzan, Imam Abu al-Faraj<sup>9</sup> daripada Abu al-Hasan ibn Muhammad ibn Muhammad al-Wazzab, al-Khatib al-Baghdadi<sup>10</sup> daripada setengah orang-orang Basrah, Ibn al-Subki<sup>11</sup> dan Abu al-Fida<sup>12</sup> mengatakan bahawa Abu al-Hasan al-Asy'ari dilahirkan pada 260H/875M.

---

<sup>6</sup>Al-Sayyid Nu'man Khair al-Din ibn al-Alusi al-Baghdadi M.1250H/1896M. *Jala' al-Aynayn fi Muhakamah al-Ahmadayn*. Beirut Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, t.t. h. 213 dan lihat Ibn Khallikan, *op.cit*, h. 285.

<sup>7</sup>Lihat Ibn 'Asakir *op.cit*. h. 46.

<sup>8</sup>*Ibid* h. 35.

<sup>9</sup>Al-Imam Abu al-Faraj Abd al-Rahman ibn Ali ibn Muhammad ibn Ali Ibn al-Juziy M.597H. *Al-Muntazam fi Tarikh al-Muluk wa al-Umam*. Haydrabad Dairat al-Ma'rif al-Othmaniyyah 1357H. j. 6, h. 333.

<sup>10</sup>Abu Bakr Ahmad ibn Ali Al-Khatib al-Baghdadi M.463H/1071M., *Tarikh Baghdad* - Beirut Dar al-Kitab al-Arabi t.t. j. 2 h. 346.

<sup>11</sup>Ibn al-Subki, *op.cit*, h. 246.

<sup>12</sup>Imad al-Din Ismail Abu al-Fida',M.736H., *al-Mukhtasar fi Akhbar al-Basyar*. Beirut, Dar al-Ma'rif li al-Tabaat wa al-Nasyr t.t. j. 3, h. 89.

Manakala Ibn Khallikan,<sup>13</sup> Ibn al-Athir<sup>14</sup> dan al-Alusi al-Baghdadi<sup>15</sup> menyebut tarikh kelahirannya pada tahun 270H/885M. Al-Maqrizi<sup>16</sup> pula mengatakan pada tahun 266H/881M.

Tetapi pendapat yang dipercayai lebih tepat ialah pendapat golongan pertama, iaitu pendapat Ibn Asakir dan mereka yang bersamasama dengannya, kerana beliau benar-benar membuat penelitian dan perbincangan dalam masalah ini. Tambahan pula ianya sejajar dengan huraian mengenai tarikh perpindahannya daripada Mazhab Muktaẓilah kepada Ahli Sunnah dan kadar umurnya pada masa itu kerana perpindahannya kepada *Ahl al-Sunnah* dikatakan berlaku pada tahun 300H/915M dan umurnya pada masa itu 40 tahun. Ini bererti bahawa tarikh kelahirannya ialah pada tahun 260H/785M.<sup>17</sup>

### **Pendidikan Dan Pembelajarannya**

Abu al-Hasan al-Asy'ari mempunyai latar belakang pendidikan dan pembelajaran yang sedikit berbeza daripada kebanyakan tokoh-tokoh Islam terkemuka yang lain. Beliau mendapat pendidikan dan pengajaran dari dua sumber yang berlainan iaitu dari aliran Muktaẓilah dan aliran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*. Keadaan ini berlaku kerana bapanya Ismail ibn Abu Basyar adalah seorang ulama dari aliran Sunni. Dia mengharapkan supaya anaknya, Abu al-Hasan juga turut menjadi orang Sunni (bermazhab Ahl al-Sunnah). Oleh sebab itulah ketika beliau hendak meninggal dunia, beliau berwasiat supaya anaknya Abu al-Hasan dihantar untuk mendapat

---

<sup>13</sup>Ibn Khallikan, *op.cit.* j. 3, h. 284.

<sup>14</sup>Izz al-Din Abu al-Hasan Ali ibn Muhammad ibn al-Athir M.630H, *Al-Lubab*, a l-Qaherah 135H., h. 52.

<sup>15</sup>Al-Alusi al-Baghdadi, *op.cit.* h. 213.

<sup>16</sup>Al-Muqrizi, *op.cit.* h. 359.

<sup>17</sup>Lihat Fawqiyah Husain Mahmud Tahqiq wa Taqdim wa Ta'Liqa *al-Ibanah 'an Usul al-Diyana, li al-Asya'ri*, Misr. Dar al-Ansar 1973 h. 14-16.

pendidikan dan pengajaran kepada al-Syaikh Zakariyya ibn Yahya al-Saji (M.285) seorang ulama' besar *Ahl al-Sunnah* dan seorang Imam dalam Ilmu Hadis, Fiqh dan Usul Fiqh.<sup>18</sup>

Bapa Abu al-Hasan meninggal dunia semasa beliau masih di peringkat awal pembelajarannya. Selepas itu penjaga beliau telah menghantarnya mempelajari pengetahuan Islam dari al-Syaikh Zakariyya al-Saji, Abu Khalifah al-Jamhi, Sahl ibn Nuh, Muhammad ibn Ya'cub al-Ma'bari dan Abdul Rahman ibn Khalaf al-Dabbi.<sup>19</sup> Kesemuanya merupakan ahli-ahli hadis dan Abu al-Hasan al-Asy'ari banyak meriwayatkan hadis daripada mereka yang telah dimuatkan di dalam kitab tafsirnya.<sup>20</sup>

Abu al-Hasan al-Asy'ari telah mempelajari Ilmu fiqh dari Abu Ishaq al-Maruzi,<sup>21</sup> iaitu salah seorang ulama' Fiqh dalam Mazhab al-Syafi'i di Jamik al-Mansur, Baghdad pada setiap hari Jumaat.<sup>22</sup>

Ibn al-Subki berkata: "*Ramai orang menyebut bahawa al-Syaikh Abu al-Hasan al-Asy'ari mempelajari mazhab Syafi'i daripada Abu Ishaq al-Maruzi dan Abu Ishak al-Maruzi pula mempelajari ilmu kalam daripadanya*".<sup>23</sup>

---

<sup>18</sup>*Ibid.* h. 13.

<sup>19</sup>*Ibid.* h. 16 dan lihat Al-Muqrizi *op.cit.* h. 309.

<sup>20</sup>*Ibid.* h. 17.

<sup>21</sup>Abu Ishaq al-Maruzi nama sebenarnya ialah Ibrahim ibn Ahmad. Beliau seorang tokoh ulama' yang telah melahirkan ramai murid yang pakar dalam Ilmu Fiqh dan Usul Fiqh. Beliau meninggal pada tahun 340H. Untuk keterangan lanjut mengenainya lihat Ibn Khallikan, *op.cit.* j. 1, h. 7-8.

<sup>22</sup>Lihat Ibn Khallikan, *op.cit.* h. 274 dan lihat juga Al-Khatib al-Baghdadi, *op.cit.* h. 346 dan Ibn Asakir *op.cit.* h. 35.

<sup>23</sup>Lihat Ibn al-Subki, *op.cit.* h. 265.

Dengan itu jelaslah bahawa Abu al-Hasan al-Asy'ari bukan sahaja seorang tokoh besar dalam Ilmu Kalam, tetapi juga mempunyai keahlian dalam ilmu-ilmu Islam yang lain seperti Ilmu Fiqh, Usul Fiqh, Ilmu Hadis dan Ilmu al-Quran yang diambil dari sumber Sunni.

Abu al-Hasan al-Asy'ari juga mempelajari dan menimba ilmu akidah daripada sumber Muktazilah. Ini kerana selepas kematian bapanya, ibunya telah berkahwin dengan Abu Ali al-Jubba'iy, iaitu seorang tokoh dan imam besar Muktazilah pada masa itu. Abu al-Hasan dibesarkan di bawah jagaannya disamping mempelajari ilmu-ilmunya dan berpegang dengan prinsip-prinsipnya selama beberapa tahun sehingga beliau dianggap sebagai salah seorang Imam atau pemimpin Muktazilah.<sup>24</sup>

Dr. Fauqiah Husain Mahmud berkata, hubungan yang wujud dan terjalin antara Abu al-Hasan al-Asy'ari dan Abu Ali al-Jubba'iy itu menunjukkan bahawa Abu al-Hasan telah tinggal bersama Abu Ali selama 30 tahun sehingga tarikh beliau berpindah dan tinggal berasingan pada tahun 300H/915M. Ini juga bermakna bahawa Abu al-Hasan al-Asy'ari mulai mengikuti pandangan "*Mazhab al-Jubba'iy*" dalam Ilmu Kalam semenjak beliau berumur sepuluh tahun lagi kerana beliau dilahir dalam tahun 260H/875M.<sup>25</sup> Oleh kerana itu, beliau pakar dan menguasai ilmu-ilmu dan prinsip-prinsip muktazilah, dan oleh kerana penguasaan di samping kecekapan fikiran dan kefasihan lidahnya, Abu al-Hasan kerap kali diberi kepercayaan mewakili gurunya Abu Ali al-Jubba'iy dalam majlis perbincangan dan perdebatan.<sup>26</sup>

---

<sup>24</sup>Lihat Al-Alusi, *op.cit.* h. 215, Al-Muqri'zi, *op.cit.* h. 359 dan Abu al-Hasan al-Nadwi, *Rijal al-Fikr wa al-Da'wah fi al-Islam*. Kuwait Dar al-Qalam 1974, h. 148.

<sup>25</sup>Fauqiah Husin Mahmud, *op.cit.* h. 18.

<sup>26</sup>Ibn al-Subki, *op.cit.* h. 246.

## **Perpindahan Dari Muktaẓilah Kepada *Ahl al-Sunnah***

Abu al-Hasan al-Asya'ri sentiasa mengetuai dan mempertahankan aliran Muktaẓilah sehingga akhirnya akal fikiran dan jiwanya memberontak terhadap mazhab yang dipertahankan selama ini. Tercetus dalam dirinya perasaan cemas terhadap takwilan-takwilan Muktaẓilah, penggunaan kias yang sangat meluas dan berhakimkan akal. Beliau merasa bahawa mereka menundukkan agama dengan Mantiq atau logik akal yang direka dan kepada muqadimah dan dasar-dasar yang mereka sangka ianya benar-benar betul (*qat'i*). Mereka juga turut mentawilkan al-Quran mengikut kehendak mereka. Abu al-Hasan berpendapat bahawa kebenaran yang jelas dan nyata ialah jalan yang dilalui oleh para sahabat r.a. dan orang-orang salaf kerana itulah tujuan dan kemuncak yang akan disampai dan disudahi oleh akal dan pemikiran yang mendalam.

Ekoran daripada itu wujud konflik dalam jiwanya dan beliau telah mengasingkan diri dalam rumahnya selama 15 hari untuk memikir, meneliti di samping beristikharah kepada Allah s.w.t. sehingga jiwanya tenang dan memutuskan untuk keluar daripada Muktaẓilah dan kembali kepada Mazhab Salaf.<sup>27</sup>

Beliau telah pergi ke Masjid Jamik di Basrah lalu menaiki mimbar dan menyeru dengan suara yang lantang :

"Sesiapa yang telah mengenal aku maka sesungguhnya dia mengenal aku dan sesiapa yang tidak mengenal aku, aku memperkenalkan diriku sendiri. Aku adalah sianu bin sianu. Dahulu aku mengatakan al-Quran itu mahluk, Allah tidak dapat dilihat dengan penglihatan dan segala perbuatan yang jahat akulah melakukannya (bukan kuasa Allah) dan sekarang aku bertaubat, mencabut, dan

---

<sup>27</sup>Lihat Abu al-Hasan al-Nadwi, *op.cit.*, h. 149.



beriktikad, untuk menolak Muktaizilah dan mendedahkan keburukan serta keaiban mereka".<sup>28</sup>

"Wahai tuan-tuan sekalian sesungguhnya aku menghilang diri dari kamu beberapa ketika (15 hari) untuk mengkaji dan meneliti, maka aku dapat dalil-dalilnya adalah sama, tidak ada di sisiku sesuatu yang lebih kuat dari yang lain. Oleh itu aku meminta hidayah atau pertunjuk dari Allah s.w.t. Maka Allah telah menunjuk kepada aku kepada pegangan dan iktikad yang aku muatkan dalam kitab-kitabku ini. Dan aku membuat segala iktikadku yang dahulu sebagaimana aku menanggalkan pakaianku ini".

Lalu beliau membuang pakaian yang dipakainya. Kemudian beliau membahagikan kitab-kitab hasil karyanya yang mengandungi aliran dan fahaman *Mazhab Ahl al-Sunnah* kepada orang ramai.<sup>29</sup> Peristiwa itu berlaku pada tahun 300H/915M.<sup>30</sup>

Selain daripada itu, antara alasan mengapa beliau kembali kepada *Mazhab Ahl Sunnah* adalah berdasarkan kepada riwayat yang menyatakan beliau bermimpi berjumpa Nabi Muhammad s.a.w. Mimpi itu bukanlah dalam keadaan biasa, kerana beliau bermimpi berjumpa dan melihat Rasulullah s.a.w. sebanyak 3 kali dalam jarak waktu yang berbeza dalam Bulan Ramadan. Mimpi pertama berlaku pada malam kesepuluh pertama, mimpi kedua berlaku pada sepuluh yang kedua dan mimpi ketiga berlaku pada sepuluh yang ketiga. Dalam ketiga-tiga mimpi itu Rasulullah s.a.w.

---

<sup>28</sup>Lihat Al-Muqrizi, *op.cit.* h. 359, ibn Khallikan, *op.cit.* h. 285 dan al-Alusi al-Baghdadi, *op.cit.* h. 215.

<sup>29</sup>Ibn al-Subki, *op.cit.* h. 246.

<sup>30</sup>Fauqiyah Husain, *op.cit.* h. 34.

datang kepadanya dan memintanya membantu mazhab yang diriwayatkan daripadanya iaitu Mazhab Ahli Hadis.

Bermula dari saat itu, Abu al-Hasan al-Asya'ri berazam untuk berpegang dengan Mazhab Ahli Hadis dan meninggalkan Mazhab Muktazilah yang menjadikan akal sebagai teras penguasaan agama.<sup>31</sup>

### **Keluasan Ilmu dan Kecerdasan Akalnya**

Abu al-Hasan al-Asya'ri mempunyai pengetahuan yang luas khususnya dalam Ilmu Kalam di samping memiliki akal yang cerdas dan bijak. Beliau dapat membentangkan hujah-hujah yang bernas dengan pantas dalam setiap perbincangan dan dapat menolak dan membatalkan hujah-hujan lawan dengan mudah sebagaimana seorang mahaguru menolak hujah murid-muridnya dan seterusnya menghuraikan masalah mereka.

Gambaran sedemikian dapat dilihat daripada riwayat seorang muridnya bernama Abu Abdullah ibn Khafif al-Syirazi yang menyatakan:

"Aku telah masuk ke bandar Basrah mencari Abu Hasan al-Asya'ri, lalu aku ditunjukkan tempatnya. Tiba-tiba aku dapati beliau berada dalam satu majlis perbincangan. Lalu aku pun masuk ke majlis itu maka aku dapati di sana satu kumpulan orang-orang Muktazilah sedang bersoal jawab dan berbincang tentang Ilmu Kalam". Apabila mereka selesai dari menyoal, Abu Hasan al-Asya'ri pun menjawab satu demi satu. Engkau berkata demikian, demikian, maka jawabnya begini-begini sehingga beliau menjawab semua persoalan yang ditimbulkan oleh kumpulan Muktazilah itu.<sup>32</sup>

Kisah ini menunjukkan betapa luasnya ilmu Abu Hasan al-Asya'ri, kemampuan dan kecerdasan akal fikirannya dalam perbincangan ilmiah

---

<sup>31</sup>Lihat ibn al-Subki, *op.cit.* h. 34.

<sup>32</sup>Ibn Asakir, *op.cit.* h. 116 dan lihat Abu al-Hasan al-Nadwi, *op.cit.* h. 150.

khususnya yang menyentuh tentang Ilmu Kalam. Oleh sebab itulah beliau dianggap sebagai seorang yang unggul dalam Ilmu Kalam dan salah seorang daripadanya pengasasnya. Ulama'-ulama' Kalam selepasnya mengakui bahawa ilmu yang dimiliki oleh Asya'ri, amat jauh perbezaannya daripada ilmu-ilmu yang mereka miliki, selain dari kehalusan penelitiannya dan ketepatan pemikirannya.

Diriwayatkan daripada Imam Abu al-Hasan al-Bahili iaitu salah seorang Imam dalam Ilmu Kalam bermaksud: "*Aku di samping Abu al-Hasan al-Asya'ri seperti setitik air di lautan*".<sup>33</sup> Ini menunjukkan betapa jauhnya beza ilmu yang dimiliki oleh Abu Hasan al-Bahili dibandingkan dengan ilmu Abu al-Hasan al-Asya'ri meskipun Abu Hasan al-Bahili telah diberi taraf sebagai Imam dalam Ilmu Kalam.

### **Akidah Abu al-Hasan al-Asya'ri**

Penjelasan tentang akidah Abu al-Hasan al-Asya'ri ini dapat dilihat melalui kitabnya (al-Ibanah 'an Usul al-Diyanat) iaitu bermaksud:

Perkataan kami yang kami berkata dengannya dan agama kami yang kami beragama dengannya ialah berpegang dengan kitab Allah Rabbuna Azza Wajalla dan dengan sunnah Nabi kita Muhammad s.a.w. Dan apa-apa yang diriwayatkan daripada ketua-ketua sahabat tabiin dan Imam-Imam Hadith maka kami ambil dan berpegang. Dan juga dengan apa yang dikatakan oleh Abu Abdullah Ahmad bin Muhamad bin Hambal - (telah diberi cahaya oleh Allah kepadanya - mengangkat darjah dan mengurniakan pahala yang banyak kepadanya) kami berkata dan tidak menyalahi kata-katanya ..... Dan keseluruhan perkataan kami (secara ijmal') ialah kami berikrar dengan Allah, malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya dan dengan apa yang dibawa oleh mereka daripada Allah dan juga apa yang

---

<sup>33</sup>Ibid. h. 125.

diriwayatkan oleh orang thiqah (orang yang boleh dipercayai) daripada Rasulullah s.a.w. kami tidak menolak sedikitpun)".<sup>34</sup>

Abu al-Hasan al-Nadwi telah mengulas kata-kata Abu al-Hasan al-Asya'ri itu yang bermaksud:

Sesungguhnya Abu al-Hasan al-Asya'ri percaya bahawa sumber akidah Wahyu Nubuawah Muhammadiyah dan jalan untuk mengetahuinya ialah kitab dan sunnah dan apa yang sabit daripada sahabat-sahabat..... Ini merupakan persimpangan jalan antaranya dan Muktaizilah. Sesungguhnya Abu Hasan menuju ke arah yang bertentangan dengan *Ittijah* atau arah Muktaizilah. Meskipun demikian beliau beriktikad secara ikhlas bahawa mempertahankan akidah yang sejahtera dan menanamnya dalam hati jenerasi Islam baru, perlu kepada percakapan dengan bahasa dan istilah-istilah ilmiah semasa yang sedang berjalan dan berbincang dengan penentang-penentang mengikut uslub aqliah mereka.

Cara demikian bukan sahaja diharuskan bahkan beliau menganggapnya sebaik-baik jihad dan sebesar-besar pengorbanan pada masa itu. Ini merupakan persimpangan jalan di antaranya dan kebanyakan pengikut-pengikut Mazhab Hambali dan ahli-ahli hadis. Kerana mereka itu merasa berdosa dan keberatan untuk menggunakan cara tersebut. Beliau beriktikad bahawa perbincangan-perbincangan yang berhubung dengan aqliah dan hissyiah tidak ada kaitan pada hakikatnya dengan akidah dan agama. Tetapi orang-orang Muktaizilah dan ahli-ahli falsafah telah mencampur adukkan perbincangan dalam akidah dengan

---

<sup>34</sup> Abu al-Hasan al-Asya'ri, *Al-Ibanat 'an-Usul al-Diyanah* Tahqiq Fauqiyyah Husain Mahmud, Misr Dar al-Ansar 1973, h. 20-27.

perbahasan aqliah (falsafah) bahkan mereka menjadikannya dengan ketajaman dan kelancaran lidah mereka dan kecerdikan mereka sebagai mukaddimah dalam perbahasan agama. Bahkan suatu yang boleh membezakan antara kebenaran dan kebatilan.

Al-Asya'ri beriktikad bahawa lari daripada perbahasan aqliah dengan alasan bahawa ia tidak ada hubungan dengan agama dan akidah, tidak sah dan tidak betul.

Bahkan di sebalik itu wajib bagi mereka yang menjalankan tugas menolong sunnah menghadapi mereka dalam perbincangan aqliah dan menetapkan mazhab ahli kebenaran. Beliau beriktikad bahawa Nabi s.a.w. dan sahabat-sahabatnya berdiam diri daripada masalah ini bukan kerana jahil, bahkan kerana perbahasan-perbahasan ini tidak berlaku di masa mereka dan tidak berhajat kepada perbahasan itu. Keadaannya samalah seperti masalah fekah dan masalah juz'i yang berlaku selepas mereka. Ulama-ulama fekah dan ahli-ahli mujtahidin melahirkan pandangan-pandangan mereka padanya dan membuat kesimpulan-kesimpulan dan pemecahan-pemecahan serta menyelesaikan masalah-masalah yang baru itu. Dengan cara itu mereka dapat memelihara dan mengawal umat Islam dan jenerasi baru daripada jihad dan kacau bilau semasa bekerja dan tidak bekerja. Begitu juga wajib ke atas pengawal-pengawal syariah dan ahli-ahli Ilmu Kalam Sunni menghadapi masalah-masalah baru yang ditimbulkan oleh Muktaizilah dan orang-orang yang berfalsafah dalam masalah ketuhanan dan menjawab segala kritikan-kritikan atau rintangan-rintangan dan cacian yang dihadapkan kepada ahli sunnah. Mereka perlu mendatangkan dalil aqli di atas kesahihan akidah al-Sunnah dan kemuafakatannya dengan akal dan mantiq. Untuk tujuan itu Abu al-Hasan

telah menyusun satu risalah dalam masalah ini dengan nama Istihsan al-Khawd fi Ilm al-Kalam.<sup>35</sup>

## **Ibadat Dan Kezuhudannya**

Mengenai ibadat dan kezuhudannya Ahmad bin Ali al-Faqih menyatakan yang bermaksud:

*Aku telah berkhidmat kepada Imam Abu Hasan selama beberapa tahun di Basrah dan aku bergaul dengannya di Baghdad sehingga beliau meninggal dunia. Aku tidak dapati seorangpun lebih warak dan lebih mengawal mata daripadanya dan aku tidak dapati seorang syeikh pun lebih malu daripadanya dalam perkara dunia dan lebih cergas daripadanya dalam perkara akhirat.<sup>36</sup>*

Menurut Abu al-Hasan al-Sarwi pula: *"Hampir 20 tahun al-Asya'ri sentiasa sembahyang subuh dengan wuduk atamah (yakni wuduk isyak) dan beliau tidak pernah menceritakan sesuatupun kepada orang lain tentang kesungguhannya."<sup>37</sup>*

Menurut Ibn Khallikan, beliau makan daripada hasil tanah yang diwakaf oleh datuknya Bilal ibn Abu Bardah ibn Abu Musa al-Asya'ri kepada orang yang kemudiannya dan nafkahnya tujuh puluh dirhan setiap hari. Begitulah apa yang dikatakan oleh al-Khatib.<sup>38</sup>

---

<sup>35</sup> Abu al-Hasan al-Nadwi, *op.cit*, h. 155-156.

<sup>36</sup> Ibn Asakir, *op.cit*, h. 141.

<sup>37</sup> Al-Baghdadi, *op.cit*, h. 347.

<sup>38</sup> Lihat Fauqiyah Husain, *op.cit*, h. 18.

## Karya-Karyanya

Di antara karya-karyanya yang telah dicetak adalah seperti berikut:

1. *Maqalat al-Islamiyin*. Terbitan Ritter Istanbul tahun 1320H/1929M. Dan diterbit juga oleh Mahyuddin ibn Abdul Hamid, Qahirah 1340H/1950M.
2. *Risalat al-Iman*, ditahqid dan diterbit bersama terjemahan dalam Bahasa Jerman oleh Spitta dalam kitabnya *an al-Asya'ri wa Madhahibihi* tahun 1876M.
3. *Risalat Istihsan al-Khawd fi Ilm al-Kalam* cetakan Haydar Abad 1323H/1932M. Dan diterbit juga oleh Mc-Carthy bersama terjemahan Inggeris dalam kitabnya *The Theology of al-Asya'ri* Beirut, 1953.
4. *Al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida*. Diterbitkan dan diterjemahkan ke Bahasa Inggeris oleh Mc-Carthy bersama kitabnya *The Theology of al-Asya'ri*, Beirut, 1953. Diterbitkan juga oleh Dr. Hamudah Gharabah Maktabah al-Khaniji, Qahirah dan Mathna, Baghdad, 1955.
5. *Risalah ila Ahl al-Thaghr bi Bab al-Abwab*. Diterbit oleh Qiwam al-Din dalam Majallah Fak. Mecrn Istanbul, 1928M.
6. *Al-Ibanat 'an Usul al-Diyanat*. Dicitak tanpa tahqid di Haydar Abad Hindi 1321H di Qahirah 1348H/1957. Kitab ini ditahqid oleh Dr. Fauqiah Husain Mahmud dan dicetak di Qahirah, 1977.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang karya-karyanya boleh dirujuk kepada Kitab *al-Ibanah 'an-Usul al-Diyanah* oleh al-Asya'ri Tahqiq Dr. Fauqiah Husain sebagaimana yang dinyatakan dalam catatan nota kaki itu.

### **Kewafatannya**

Abu al-Hasan al-Asya'ri meninggal dunia di Baghdad pada tahun 324H/939M. dan dikuburkan di Masra'at al-Rawayat di sebelah tepi masjid berhampiran bilik air. Iaitu di sebelah kiri jalan daripada pasar Sungai Dajlah.<sup>39</sup>

---

<sup>39</sup>Ibn Asakir, *op.cit*, h. 56.